

LATIHAN 2

BUNYI VOKAL

1. Yang manakah pernyataan yang berkaitan dengan penentuan jenis vokal bahasa Melayu?

A Cara udara dilepaskan	C Naik atau turunnya langit lembut
B Bahagian lidah yang terlibat	D Keadaan pita suara sama ada bergetar atau Tidak
2. Yang manakah kumpulan kata yang semua suku kata praakhirnya mengandungi bunyi vokal hadapan separuh sempit?

A Merah, tebar, rebeh	C Dewan, denda, tembak
B Bentan, merak, cebok	D Dengkur, belok, kelewang

3.
 - Dimulai dengan vokal depan luas dan berlaku geluncuran ke arah penghasilan bunyi vokal belakang sempit
 - Keadaan bibir berubah daripada hampar menjadi bundar

Yang manakah pasangan perkataan yang mengandungi bunyi yang dihasilkan dengan cara diatas?

- | | |
|---------------|-----------------|
| A Jauh, jual | C Dua, merbau |
| B Kuat, aurat | D Aura, saudara |

4.
 - Bahagian depan lidah diangkat setinggi-tingginya dan udara daripada paru-paru dikeluarkan tanpa sekaan.
 - Pita suara digetarkan dan bibir berada dalam keadaan hampar.

Bunyi yang dihasilkan dengan cara di atas ialah

- | | |
|----------------------|------------------------------|
| A vokal depan luas | C vokal depan separuh luas |
| B vokal depan sempit | D vokal depan separuh sempit |

5.

Jenis vokal	
I	Vokal depan luas
II	Vokal depan sempit
III	Vokal belakang sempit
IV	Vokal depan separuh sempit

Perkataan	
P	Gugur
Q	Gagah
R	Licin
S	Tenggek

Yang manakah padanan yang betul antara jenis vokal dengan perkataan yang mengandungi vokaltersebut?

	I	II	III	IV
A	R	P	S	Q
B	Q	S	P	R
C	Q	R	P	S
D	P	S	Q	R

6. Vokal depan luas + letupan gusi tak bersuara + vokal depan luas + letupan dua bibir tak bersuara

Percantuman bunyi-bunyi di atas menghasilkan perkataan

- A adat C atap
B epal D esak

7. Yang manakah perkataan yang mengandungi bunyi vokal hadapan separuh sempit?

- A Bentuk C Rendam
B Senduk D Benteng

8. Bahagian hadapan lidah diturunkan serendah-rendahnya dan udara dari paru-paru keluar tanpa sekatan. Bibir dihamparkan, pita suara bergetar, dan lengit lembut dinaikkan.

Pernyataan di atas merujuk kepada cara penghasilan vokal yang terdapat dalam kata

- A bilik C bolos
B balak D buluh

9.

	<i>Jenis vokal</i>
I	Vokal depan sempit
II	Vokal depan separuh sempit
III	Vokal depan luas
IV	Vokal belakang sempit

	<i>Contoh perkataan</i>
R	Mama
S	Ciri
T	Suhu
U	Tempe

Yang manakah padanan yang betul antara jenis vokal dengan contoh perkataan yang mengandungi vokal tersebut?

	I	II	III	IV
A	S	T	U	R
B	U	S	T	R
C	R	S	U	T
D	S	U	R	T

10. Yang manakah pasangan perkataan yang kedua-duanya menggunakan e-pepet pada suku kata kedua?


- A Negeri, cerewet C Geledah, merepek
B Gelegar, kemelut D Sengketa, gementar

- 11.
- Bahagian hadapan lidah dinaikkan dua pertiga dari kedudukan paling bawah.
 - Lelangit lembut dinaikkan untuk menutup rongga hidung.
 - Udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut tanpa sekatan.
 - Pita suara digetarkan.
 - Bibir dalam keadaan hampar.

Pasangan kata yang mengandungi bunyi yang dihasilkan dengan cara di atas ialah

- | | |
|----------------|-----------------|
| A alpa, judi | C emak, penat |
| B belut, belot | D lempar, leher |

12.



Yang manakah perkataan yang mengandungi bunyi yang diwakili oleh P dan Q dalam gambarajah di atas?

	P	Q
A	Besi	Molek
B	Lepak	Soal
C	Emak	Sorak
D	Lempar	Telur